

30 SEP 1998

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA CYPRUS DAN TUVALU

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengutuskan ucapan tahniah kepada Presiden Republik Cyprus, Glafeos Clerides, dan Gabenor Jeneral Tuvalu, Dr Tomasi Puapua, sempena Hari Kemerdekaan kedua-dua negara itu esok.

Dalam perutusannya kepada Clerides, Seri Paduka berharap republik itu akan terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran di samping mengucapkan tahniah sempena kemenangan beliau pada pilihan raya presiden baru-baru ini.

Dalam perutusannya kepada Dr Puapua, Tuanku Ja'afar berharap hubungan kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan demi manfaat bersama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan serupa kepada Clerides berkata beliau yakin bahawa hubungan mesra dan kerjasama antara kedua-dua negara akan diperluaskan lagi pada masa depan.

Dalam perutusannya kepada Perdana Menteri Tuvalu, Bikenibeu Paeniu, Dr Mahathir berkata beliau berharap dapat memperluaskan hubungan sedia ada bagi memanfaatkan rakyat kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar perutusan yang sama kepada Paeniu, yang juga Menteri Hal Ehwat Luar Tuvalu, dan rakan sejawatannya dari Cyprus, Ioannia Kasoulides.

-- BERNAMA

NHD NAK